# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
# KETERANGAN MENGENAI
# MAJLIS KONVOKESYEN KE-43 TAHUN 2019

## 1. Maklumat Majlis Konvokesyen UPM Ke-43 Tahun 2019

**Tarikh :** **16 hingga 19 November 2019**

**Tempat :** Pusat Kebudayaan dan Kesenian
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM

**Hari/Sesi:** Sabtu, Ahad, Isnin dan Selasa (4 hari/8 sesi)

## 2. Susunan Graduan Mengikut Program dan Sesi – seperti di Lampiran 1.

## 3. Kehadiran Graduan

3.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen UPM, Ijazah dan Diploma hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir pada sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat, boleh dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Ijazah atau Diploma dikurniakan tanpa hadir.

3.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan **mengikut sesi yang ditetapkan**.

3.3 **Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakilkan kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen**.

## 4. Yuran Graduan

4.1 Yuran graduan sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua ratus sahaja) adalah diwajibkan kepada semua graduan (sepenuh masa/separuh masa, PJJ/eksekutif) sama ada graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen atau sebaliknya.

4.2 Yuran hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnyadua (2) hari** bekerja **sebelum mengambil jubah akademik**melalui salah satu kaedah berikut:

a. JomPAY
b. *Cimbclicks (Internet banking)*
c. Kaunter CIMB

| **Saluran Bayaran** | **Langkah** |
|---|---|
| **PERINGATAN:** Cara bayaran selain dari di bawah **TIDAK DIBENARKAN** dan di anggap tiada bayaran telah di buat. Pengesahan bayaran hanya boleh dilakukan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh bayaran dibuat setelah mendapat pengesahan dari pihak bank. | |
| Melalui kemudahan **JomPAY** | Bayaran boleh dibuat menggunakan internet banking dari semua bank yang mempunyai kemudahan JomPAY.<br><br>➢ Pilih modul *Bill Payment*<br>➢ Klik butang **JomPAY**<br>➢ Pilih akaun pembayar samada akaun simpanan atau akaun kad kredit anda<br>➢ **Biller Code : 8441**<br>➢ **Ref 1 : No matrik (Wajib)**<br>➢ **Ref 2 : No Kad Pengenalan**<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br>➢ Sila input no transaksi JomPAY (8 digit. Cth : 4HTY245W) ke dalam sistem My-Konvokesyen sebagai bukti bayaran.<br><br>• Bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 2 hari bekerja sebelum tarikh pengambilan jubah |
| Melalui **internet banking *CIMB Clicks*** | • Bagi pemegang akaun CIMB samada pelajar atau ahli keluarga yang membuat bayaran.<br><br>url web **https://www.cimbclicks.com.my/ibk/**<br>➢ Pilih modul Pay & Transfer<br>➢ Klik butang Pay Bills<br>➢ Enter Biller Name : Taip UPM<br>➢ Pilih : Universiti Putra Malaysia Kampus Serdang<br>➢ Masukkan no matrik, No Kad Pengenalan dan jumlah RM200<br>➢ Teruskan ke proses selanjutnya (Tac/OTP) & pengesahan<br>➢ Sila input no transaksi yang berjaya (8 digit) ke dalam sistem My-Konvokesyen sebagai bukti bayaran.<br><br>• Bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya 2 hari bekerja sebelum tarikh pengambilan jubah |
| **Kaunter Cawangan CIMB** | • Bayaran boleh dibuat di kaunter cawangan CIMB diseluruh Malaysia.<br><br>➢ Nama Akaun : **UPM COLLECTION**<br>➢ No Akaun : **8002155042** |

| | |
|---|---|
| | ➢ Sila Pastikan maklumat nombor Matrik dinyatakan di dalam slip bayaran.<br>➢ ***Fund Transfer* dan penggunaan *CDM* ke akaun ini TIDAK DIBENARKAN**<br>➢ Sila input no transaksi yang berjaya (8 digit) ke dalam sistem My-Konvokesyen sebagai bukti bayaran |

a. **Graduan yang tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen boleh menjelaskan bayaran pada bila-bila masa menggunakan kaedah diatas.**

b. Skrol / Transkrip graduan hanya akan dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan segala yuran yang tertunggak dijelaskan (**yuran graduan, yuran pengajian, denda perpustakaan & saman lalu lintas dll**), jika ada.

5. **Kajian Pengesanan Graduan**

Graduan dikehendaki melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan 2019** secara ***'On-line'*** bermula **6 November 2019 (Rabu)** melalui sistem kajian berikut :

Sistem Kajian Pengesanan Graduan (Kementerian Pendidikan Tinggi)
(Laman Web: ***http://graduan.moe.gov.my***)

*Nota:*

*Sila cetak **Slip Pengesahan di laman terakhir** borang kajian dan bawa bersama semasa minggu pengambilan jubah akademik untuk disemak dan disahkan oleh CEM di kaunter semakan. **Jubah akademik tidak akan diberikan sekiranya graduan gagal mengemukakan slip pengesahan.***

Kepada graduan yang ***TIDAK BEKERJA ,***sila isi borang manualyang boleh didapati di laman web CEM **:*www.cem.upm.edu.my*** dan borang yang sudah siap diisi sila bawa semasa minggu pengambilan jubah.

*** sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN *(CEM)* di talian 03-97691020/1409**

## 6. Pinjaman dan Pemulangan Jubah Akademik

### 6.1 Proses Pinjaman

Graduan hendaklah**:**

a) **jelaskan yuran graduan** berdasarkan kaedah pembayaran yang dihuraikan seperti di **item 4.2** di atas;

b) **lengkapkan borang pinjaman jubah akademik (e-jubah)** secara 'online' melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik) bermula **21 Oktober 2019**;

c) untuk graduan pra siswazah dan siswazah sila rujuk panduan dibawah ini untuk mengakses ke menu 'Mykonvokesyen' (borang jubah akademik);

| | **Pra Siswazah** | **Siswazah** |
|---|---|---|
| **Id Pengguna** | **No Matrik** | **No Matrik (GSxxxxxx)(GMxxxxxx) (JMxxxxx)** |
| **Kata Laluan** | **Kata Laluan Semasa** | **No Kad Pengenalan / Nombor Pasport** |

**Nota: Guna browser IE atau Mozilla Firefox sahaja.**
**Sistem tidak dapat diakses melalui Google Chrome**

d) cetak dan bawa borang pinjaman jubah akademik dalam talian yang telah dilengkapkan dan **diberikan status 'BERJAYA' dalam 'semak permohonan'** pada borang jubah akademik di bawah menu Mykonvokesyen SMP semasa mengambil jubah akademik di Kompleks Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang telah ditetapkan.

e) graduan hendaklah melengkapkan **borang mewakilkan pengambilan jubah akademik** dan **bawa bersama borang permohonan dalam talian yang telah dicetak** semasa pengambilan jubah sekiranya jubah akademik diambil oleh wakil. (seorang wakil hanya boleh mengambil untuk dua (2) graduan sahaja)

f) **hubungi Bahagian Urus Tadbir Akademik** sekiranya mempunyai masalah untuk mengakses sistem MyKonvokesyen e-SMP di talian **03-97696026/03-97691464/03-97696147** untuk kenalpasti masalah berkaitan.

6.2

g) **hubungi pihak Bendahari** sekiranya terdapat masalah berkaitan pembayaran yuran di talian **03-97694156/4161 (siswazah) 03-97696215/6225/6240 (pra-siswazah)** atau emel ke bursar.student_ug@upm.edu.my(untuk graduan prasiswazah) atau bursar.student_pg@upm.edu.my (untuk graduan siswazah).

Sila pastikan Jubah Akademik UPM yang dipinjam dalam keadaan baik dan sempurna seperti berikut:

a) **Ijazah Bacelor**:
- jubah (warna *maroon*),
- hood (mengikut warna rasmi fakulti), dan
- mortar board;

b) **Diploma**:
- jubah (warna *maroon*), dan
- mortar board

6.3 **Graduan tidak dibenarkan meminda atau mengubah suai mana-mana bahagian jubah akademik yang dipinjam.**

6.4 **Urusan pinjaman jubah akademik** akan dilaksanakan di Kompleks Akademik Pusat, UPM sebagaimana berikut:

| Tarikh | Masa | Tindakan/Catatan |
|---|---|---|
| 9 hingga 14 November 2019 (Sabtu – Khamis) | 9.00 pagi hingga 5.00 petang | Pastikan semua Kaunter yang disediakan oleh Urus Setia diikuti bagi mengelakkan sebarang masalah ketika menyertai Majlis Konvokesyen.<br>• Kaunter pengambilan Jubah akan **DITUTUP** semasa sesi raptai (jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan akan dibuka selepas sesi raptai pada jam 2.30 hingga 5.00 petang)<br>• 10 November 2019 (Ahad)<br>• 13 November 2019 (Rabu)<br>• 14 November 2019 (Khamis) |

6.5 **Urusan Pemulangan Jubah Akademik**

**Maklumat pemulangan jubah akademik terdapat di dalam album/skrol.**

Bayaran **denda lewat** memulangkan jubah akademik akan dikenakan **mulai 2 Disember 2019 (Isnin)** seperti berikut:

a) **hari pertama RM10.00 seterusnya** ditambah **RM5.00 setiap hari berikutnya;**

b) Bayaran denda bermula pada 2 Disember 2019 dan seterusnya hendaklah dibuat di **Kaunter Bendahari 3, Tingkat Bawah, Bangunan Canselori Putra;** dahulu dikenali sebagai **Bangunan Pentadbiran, UPM** dan resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa memulangkan

jubah akademik;

c) wakil yang memulangkan jubah akademik hendaklah memastikan telah mendapatkan **pengesahan pemulangan** sebelum meninggalkan kaunter.

6.6 Graduan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan jubah akademik.

6.7 Jubah akademik yang **rosak** atau **hilang**, bayaran akan dikenakan dan sijil akademik/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan seperti berikut:

| **Program** | **Bayaran (RM)** | | | | **Jumlah** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Jubah** | ***Hood*** | ***Mortar Board*** | ***Bonnet*** | |
| Ijazah Bacelor | 280.00 | 35.00 | 50.00 | - | 365.00 |
| Diploma | 150.00 | - | 50.00 | - | 200.00 |
| Master | 400.00 | 35.00 | 50.00 | - | 485.00 |
| PhD | 750.00 | 35.00 | - | 75.00 | 860.00 |

7. **Pakaian Graduan**

7.1 Graduan adalah **<u>DIWAJIBKAN</u>** mematuhi etika berpakaian seperti berikut semasa menghadiri Majlis Konvokesyen (rujuk contoh di **Lampiran 2 (A&B)**:-

**Wanita:**

a) Baju kurung moden/tradisional/pakaian kebangsaan/*Pantsuit* **atau** skirt labuh hingga buku lali dan blaus lengan panjang menutupi dada dan seterusnya memakai jubah akademik.

b) Warna pakaian adalah bebas.

c) Bagi yang memakai tudung, dicadangkan agar menggunakan tudung warna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna *hood* fakulti masing-masing.

d) Sarung tangan hendaklah dipakai pada **<u>kedua-dua belah tangan (bagi graduan wanita beragama Islam.</u>**

e) **Kasut berwarna <u>hitam</u> dan <u>bertutup</u> pada bahagian hadapan dan belakang.**

**<u>TIDAK DIBENARKAN</u>**

Memakai skirt pendek dan kasut sukan/sandal/terbuka di belakang/berwarna cerah atau putih**.**

**Lelaki:**

a) Kemeja lengan panjang berkolar, berseluar *slack* berwarna gelap, bertali leher dan memakai kot, atau lengkap memakai *Lounge Suit* berwarna gelap, berstoking dan berkasut **hitam** dan seterusnya memakai jubah akademik.

b) **Potongan rambut hendaklah pendek dan kemas.**

**TIDAK DIBENARKAN**

**Memakai seluar jeans/seluar pendek, kasut sukan/sandal/kasut berwarna cerah atau putih.**

7.2 Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi Universiti. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas.

**Graduan yang TIDAK MEMATUHI peraturan pakaian TIDAK AKAN DIBENARKAN masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Ijazah Lanjutan, Ijazah Bacelor dan Diploma.**

**Video tatacara pemakaian jubah akan dimuatnaik di laman web www.akademik.upm.edu.my (portal) mulai 16 Oktober 2019.**

## 8. Kad Jemputan

8.1 Kad jemputan dan arahan lain akan diedarkan pada graduan/wakil graduan semasa meminjam jubah akademik;

8.2 Pihak Universiti tidak bertanggungjawab atas kehilangan kad jemputan yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti;

8.3 Setiap graduan akan diberikan **satu (1)** kad jemputan untuk **dua (2)** orang tetamu;

8.4 dua (2) nama tetamu hendaklah dilengkapkan pada keratan kad dan dibawa untuk diserahkan kepada penyambut tetamu sebelum masuk ke dewan.

## 9. Kudapan Ibubapa

Satu bag berisi dua (2) makanan ringan dan dua (2) botol air mineral disediakan untuk ibubapa/tetamudan akan diberi semasa masuk ke dewan.

## 10. Taklimat dan Raptai Konvokesyen

Tiga (3) sesi taklimat dan raptai akan diadakan kepada semua graduan supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada hari Konvokesyen dan kerjasama graduan amat dialu-alukan agar menyertai taklimat dan raptai yang akan diadakan di PKKSSAAS seperti maklumat berikut:

| Tarikh | Sesi | Masa |
|---|---|---|
| 10 November 2019 (Ahad) | Raptai Graduan di PKKSSAAS | 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari |
| 13 November 2019 (Rabu) | (dilaksanakan sebanyak 3 sesi – graduan boleh hadir pada sesi raptai mengikut kelapangan) | |
| 14 November2019 (Khamis) | | |

**11. Parkir Ibu bapa**

Sila ikut arahan kawalan lalulintas **(peta laluan - Lampiran 3)**

**12. Perarakan Graduan**

12.1 Graduan hendaklah berkumpul di tempat letak kereta Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM seperti berikut:

**Sesi Pagi: Berkumpul - 7.30 pagi**
**Perarakan - 8.00 pagi;**

**Sesi Petang: Berkumpul - 1.45 petang**
**Perarakan - 2.10 petang.**

12.2 Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, graduan diminta mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai bertugas dan berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.

12.3 Elakkan membawa beg tangan atau barang berharga semasa berkumpul untuk sesi perarakan graduan.

12.4 **Graduan yang lewat tidak dibenarkan masuk bagi menyertai Majlis Konvokesyen.**

12.5 Ibu bapa/tetamu dinasihati untuk makan sebelum masuk ke dewan. Makanan dan minuman tidak dibenarkan dibawa masuk ke dewan.

12.6 Ibu bapa/tetamu **tidak dibenarkan membawa masuk jambangan bunga atau cenderamata** ke dalam dewan kerana ia akan mengganggu kedudukan tetamu lain.

12.7 **Graduan kelainan upaya (OKU)/mempunyai masalah** lain yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan **lebih awal sebelum sesi konvokesyen** kepada :

(a) Urusetia : 03-97696026/6141/6060/1464/3258
(b) UPMET: 03-89593408/3404
(c) PBS : 03-97698837/8839/8841

12.8 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai petugas semasa majlis berlangsung.

12.9 **Graduan dan tetamu graduan tidak dibenarkan meninggalkan Dewan sehingga majlis selesai.**

## 13. Peraturan kepada Ibu bapa/Tetamu untuk masuk ke Dewan

13.1 Pakaian:

a) Tetamu Lelaki: Kebangsaan/*Lounge Suit*/Batik/Tertib (**Bersongkok** bagi **Sesi 1)**

b) Tetamu Wanita: Kebangsaan/Sopan

13.2 **Kasut: Kasut bertutup**
(selipar, kasut sukan dan sandal **TIDAK DIBENARKAN**)

13.3 Tetamu graduan boleh memasuki Dewan PKKSSAAS melalui pintu yang ditetapkan oleh pegawai petugas (sila rujuk Pelan Dewan di **LAMPIRAN 4)**.

Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, **tidak dibenarkan** masuk ke dalam Dewan PKKSSAAS, UPM semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.

## 14. Atur Cara Pengurniaan

Kedudukan barisan dan susunan graduan adalah ditentukan oleh pihak Jawatankuasa/Urus Setia/Petugas.

## 15. Mengambil Sijil Akademik dan Transkrip Ijazah Lanjutan, Bacelor dan Diploma

15.1 Graduan yang berhutang dengan UPM/UPM *Education & Training* Sdn. Bhd./Unit Program Eksekutif (FEP dan FBMK)/PBS hendaklah **menjelaskan hutang** bagi mengeluarkan sijil akademik/transkrip Ijazah Bacelor atau Diploma dan Program Eksekutif Fakulti (FEP dan FBMK) berkenaan (kemukakan **resit pembayaran).** Tunjukkan resit bayaran yuran graduan sebagai bukti yuran telah dijelaskan.

15.2 Lengkapkan dan serahkan borang permohonan pengambilan sijil akademik /transkrip semasa pemulangan jubah akademik (borang pengambilan sijil akademik/transkrip akan hanya diserahkan kepada graduan semasa memulangkan jubah akademik).

15.3 Sijil akademik/transkrip graduan boleh diambil di Kompleks Akademik Pusat, UPM pada tarikh yang ditetapkan sebagaimana maklumat dalam album/skrol.

15.4 Pengambilan sijil akademik/transkrip graduan boleh diambil mengikut program pengajian seperti berikut:

i. program Ijazah Lanjutan di kaunter Sekolah Pengajian Siswazah;
ii. program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) di kaunter UPM Education &Training Sdn. Bhd.;
iii. program Eksekutif di Unit Program Eksekutif Fakulti berkenaan; dan
iv. program Ijazah Lanjutan (No Matrik GM dan PBS) di bangunan Putra Business School (PBS).

15.5 Graduan yang mewakilkan untuk mengambil jubah/sijil akademik/transkrip hendaklah mengemukakan surat akuan yang di alamatkan kepada Ketua Pentadbiran Akademik dan Antarabangsa, Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UPM dengan nama, nombor kad pengenalan dan lampiran salinan kad pengenalan wakil (tertakluk pada perkara (15.1 hingga 15.4) perlu dipatuhi sebelum menyerahkan sijil akademik dan transkrip kepada wakil.

15.6 Bagi graduan program Eksekutif maklumat yang sama dikemukakan kepada Pengarah Program Eksekutif di Fakulti berkenaan.

Pihak **UPM tidak bertanggungjawab** sekiranya sijil akademik/transkrip yang dituntut oleh **graduan/wakil** graduan berkenaan **hilang atau rosak**.

## 16. Lain-lain Maklumat:

16.1 **Tarikh-tarikh penting** yang berkaitan Majlis Konvokesyen Ke-43 UPM (2019) **(Lampiran 5).**

16.2 **Senarai semak** pelaksanaan yang diperlukan bagi memastikan Majlis Konvokesyen berjalan lancar **(Lampiran 6)**

16.3 **Arahan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Mesyuarat Penyelarasan Integrasi Sistem Pengambilan dan Penempatan Graduan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 19 Ogos 2014, menghendaki semua graduan Pendidikan mendaftar di JobsMalaysia melalui url*www.jobsmalaysia.gov.my* bagi penempatan graduan pendidikan oleh pihak KPM.

16.4 Buku Konvokesyen UPM disediakan dalam bentuk digital (e-Buku) Graduan/ibu bapa/tetamu boleh mengakses e-Buku berkenaan melalui http://konvo.upm.edu.my/ mulai **16 November 2019** atau melalui imbas kod QR yang akan diberikan kemudian**.**

16.5 Surau disediakan di Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra (dahulunya dikenali sebagai Bangunan Pentadbiran), kiri dan kanan PKKSSAAS.

| |
|---|
| **Kerjasama para graduan mematuhi atur cara dan maklumat konvokesyen ini adalah amat diharapkan bagi memastikan Majlis Konvokesyen UPM Ke-43 berjalan lancar.** |
| **Graduan boleh menghubungi nombor berikut untuk maklumat lanjut:**<br><br>**Prasiswazah:**<br>**Bahagian Urus Tadbir Akademik:**<br>**03-97696026/03-97691464/03-97696060/97693258;**<br><br>**Siswazah:**<br>**Sekolah Pengajian Siswazah:**<br>**(03-97694211/4220/4162/4153 – Encik Nasrul Amri/Pn. Hasnor/Pn. Siti Noor Alia/En. Arif)**<br><br>**Pengajian Jarak Jauh:**<br>**(03-89593408/3404 – Puan Rohaiza (Pra-siswazah)**<br>**En. Mohd Tarmizi(siswazah)**<br><br>**Putra Business School (PBS)**<br>**03-97698837/8839/8841 (Puan Norhayati/Norizan/Siti Nor Zawani)**<br><br>**URUS SETIA**<br>**MAJLIS KONVOKESYEN**<br>**Bahagian Urus Tadbir Akademik,**<br>**Bangunan Canselori Putra**<br>**(dahulunya dikenali sebagai Bangunan Pentadbiran)**<br>**Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang, Selangor**<br>**03-97696050/6026/6060/03-97691464** |
| ***Notis Majlis Konvokesyen ke-43 UPM boleh dicapai dalam Versi Bahasa Inggeris di www.akademik.upm.edu.my*** |

**LAMPIRAN 1A**

# BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SUSUNAN SESI GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-43

| **Sesi 1 (Sabtu - Pagi)**<br>**16 November 2019** | **Sesi 2 (Sabtu - Petang)**<br>**16 November 2019** |
|---|---|
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (A-B) SPS<br>Doktor Kejuruteraan<br>Master Perubatan (Perubatan Dalaman)<br>Master Surgeri (Ortopedik)<br>Master Kejuruteraan Komunikasi<br>Master Pendidikan<br>Master Bahasa Melayu<br>Master Komunikasi Korporat<br>Bacelor Sains Pengurusan Perladangan<br>Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)<br>Bacelor Kejuruteraan (Aeroangkasa)<br>Bacelor Komunikasi<br>Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia)/Bacelor Sains Pembangunan Manusia<br>Diploma Perikanan UPMKB | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah(C-L) SPS<br>Master Teknologi Makanan<br>Master Kejuruteraan Perisian<br>Master Kesusasteraan Dunia<br>Master Sains (FPP, FRSB, ITMA)<br>Bacelor Sains Perhutanan<br>Doktor Perubatan<br>Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal)<br>Bacelor Pendidikan (Pengajaran BI sbg Bahasa Kedua)<br>Bacelor Sastera (Kesusasteraan Inggeris)<br>Bacelor Sains Komputer (Sistem Komputer)/<br>Bacelor Sains Komputer - Sistem Komputer<br>Bacelor Sains Biologi Dengan Kepujian/ Bacelor Sains (Kepujian) – Biologi<br>Bacelor Sains (Kepujian) Mikrobiologi<br>Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar<br>Diploma Perhutanan UPMKB |
| **Sesi 3 (Ahad - Pagi)**<br>**17 November 2019** | **Sesi 4 (Ahad– Petang)**<br>**17 November 2019** |
| **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (M-N) SPS<br>Master Patologi<br>Master Kesihatan Awam<br>Master Perubatan Veterinar<br>Master Sains Veterinar<br>Master Penderiaan Jauh dan GIS<br>Master Perancangan dan Respon Kecemasan<br>Master Sains(FBSB, FPV, IBS, IKDPM)<br>Bacelor Senibina Landskap<br>Doktor Perubatan Veterinar<br>Bacelor Pengajian Pengguna<br>Bacelor Sains (Perniagaantani)<br>Bacelor Pentadbiran Perniagaan<br>Bacelor Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik)<br>Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)<br>Bacelor Sains Dalam Sains Bahan dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Dalam Sains Instrumentasi dengan Kepujian<br>Diploma Perniagaantani UPMKB | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah (O-Z) SPS<br>Doktor Falsafah SPSP<br>Doktor Kesihatan Awam<br>Master Perubatan (Perubatan Keluarga)<br>Master Sastera<br>Master Kejuruteraan Air<br>Master Sains (FEM, FSTM, IPPH)<br>Master Sains SPSP<br>Master Pengurusan Sumber Tanah<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)<br>Bacelor Sains Teknologi Kayu<br>Bacelor Sains (Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan)<br>Bacelor Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem)<br>Bacelor Sains Statistik dengan Kepujian<br>Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris)<br>Bacelor Sains Komputer (Rangkaian Komputer)/<br>Bacelor Sains Komputer- Rangkaian Komputer<br>Bacelor Sains (Kepujian) Biokimia<br>Bacelor Pengurusan Alam Sekitar<br>Diploma Pertanian UPMKB |

**LAMPIRAN 1B**

**BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**SUSUNAN SESI GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-43**

| **Sesi 5 (Isnin – Pagi)**<br>**18 November 2019** | **Sesi 6 (Isnin - Petang)**<br>**18 November 2019** |
|---|---|
| **Nama Program**<br><br>Master Senibina Landskap<br>Master Kejuruteraan Alam Sekitar<br>Master Ekonomi<br>Master Alam Sekitar<br>Master Senibina<br>Master Sains (FEP, FSKTM, ITAFoS)<br>Master Pembangunan Sumber Manusia PJJ<br>Bacelor Sains Pertanian<br>Bacelor Sains Pertanian PJJ<br>Bacelor Sains (Dietetik)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat)<br>Bacelor Ekonomi<br>Bacelor Kejuruteraan (Awam)<br>Bacelor Sains dan Teknologi Makanan<br>Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama)<br>Bacelor Sains Fizik dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia dengan Kepujian<br>Bacelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian)<br>Diploma Pengurusan Perladangan Makanan UPMKB | **Nama Program**<br><br>Master Perubatan (Anestesiologi)<br>Master Inovasi dan Rekabentuk Kejuruteraan<br>Master Keselamatan dan Pemastian Kualiti Makanan<br>Master Pembangunan Sumber Manusia<br>Master Linguistik Terapan<br>Master Keselamatan Proses dan Pencegahan Kehilangan<br>Master Sains (FPAS, FH, FP)<br>Master Bahasa Melayu PJJ<br>Bacelor Sains (Kepujian) (Biologi Sel dan Molekul)<br>Bacelor Pertanian (Akuakultur)<br>Bacelor Sains Taman dan Rekreasi<br>Bacelor Sains (Sains Bioperubatan)<br>Bacelor Kejuruteraan (Proses dan Makanan)<br>Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga)<br>Bacelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Kimia Petroleum dengan Kepujian<br>Bacelor Sains Komputer (Multimedia)/Bacelor Sains Komputer – Multimedia<br>Bacelor Sastera (Kesusasteraan Melayu)<br>Bacelor Perakaunan UPEFEP<br>Bacelor Pentadbiran Perniagaan UPEFEP<br>Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan UPMKB |
| **Sesi 7 (Selasa - Pagi)**<br>**19 November 2019** | **Sesi 8 (Selasa - Petang)**<br>**19 November 2019** |
| **Nama Program**<br><br>Master Perubatan (Psikiatri)<br>Master Kejuruteraan Struktur dan Pembinaan<br>Master Kejuruteraan Lebuhraya dan Pengangkutan<br>Master Pengurusan Kejuruteraan<br>Master Keselamatan Maklumat<br>Master Pengurusan Teknologi Alam Sekitar<br>Master Sains (FK, FSPM, FBMK, IPSAS, INTROP)<br>Master Komunikasi Korporat PJJ<br>Bacelor Sains Hortikultur<br>Bacelor Perakaunan<br>Bacelor Kejururawatan<br>Bacelor Muzik (Persembahan Muzik)<br>Bacelor Kejuruteraan (Kimia)<br>Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian)<br>Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia) PJJ<br>Bacelor Sains Seni Bina<br>Bacelor Sastera (Bahasa Asing)<br>Bacelor Komunikasi UPEFBMK,PJJ<br>Bacelor Sains (Pengajian Makanan)<br>Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) – Kimia<br>Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) – Matematik<br>Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian) - Fizik<br>Diploma Kejuruteraan Pertanian UPMKB | **Nama Program**<br><br>Doktor Falsafah PBS<br>Master Pentadbiran Perniagaan PBS<br>Master Pengurusan (Teknologi Maklumat) PBS<br>Master Sains PBS<br>Master Sains (FPSK, FS, INSPEM, IPPM)<br>Master Sains Komputer<br>Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan<br>Master Pengurusan Perladangan<br>Master Statistik Gunaan<br>Master Pendidikan PJJ<br>Bacelor Pertanian (Sains Ternakan)<br>Bacelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti)<br>Bacelor Kejuruteraan (Sistem Komputer & Komunikasi)<br>Bacelor Sastera (Bahasa & Linguistik Melayu)<br>Bacelor Sastera (Bahasa & Linguistik Melayu) UPEFBMK,PJJ<br>Bacelor Kejuruteraan Perisian /<br>Bacelor Sains Komputer -Kejuruteraan Perisian<br>Bacelor Sains (Kepujian) Bioteknologi<br>Bacelor Sains Matematik dgn Kepujian/<br>Bacelor Sains (Kepujian) – Matematik<br>Bacelor Sains Bioindustri FSPM<br>Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan)<br>Diploma Pembangunan Manusia PJJ<br>Diploma Pembangunan Manusia - Kolej Teknologi Timur IPTS<br>Diploma Sains Komputer - Kolej Teknologi Timur IPTS<br>Diploma Pengurusan Perniagaan - Kolej Widad IPTS<br>Diploma Kejuruteraan Teknologi Multimedia- Kolej Uniti IPTS<br>Diploma Pengurusan Perniagaan - Kolej Universiti Agrosains IPTS |

**<u>Singkatan:</u>**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SPS | : | Sekolah Pengajian Siswazah | PBS | : | Putra Business School |
| FS | : | Fakulti Sains | FBSB | : | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| SPSP | : | Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan | UPEFEP | : | Unit Program Eksekutif, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| PJJ | : | Pengajian Jarak Jauh | UPEFBMK | : | Unit Program Eksekutif, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| UPMKB | : | UPM Kampus Bintulu | FSPM (Bintulu) | : | Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Bintulu) |

**LAMPIRAN 2A**

## ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN

### ETIKA PEMAKAIAN YANG DICADANGKAN SEBELUM MENGENAKAN JUBAH AKADEMIK



### ETIKA PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN



## GRADUAN WANITA

## ETIKA PEMAKAIAN YANG DICADANGKAN SEBELUM MENGENAKAN JUBAH AKADEMIK







**POTONGAN RAMBUT** **KASUT**

## ETIKA PEMAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN





**<u>GRADUAN LELAKI</u>**

**LAMPIRAN2B**

## CONTOH PAKAIAN DAN CARA BERPAKAIAN




**GRADUAN WANITA** **GRADUAN LELAKI**

# CONTOH PAKAIAN DAN CARA BERPAKAIAN



**LAMPIRAN 3**


PETUNJUK
LALUAN MASUK
LALUAN KELUAR
FAKULTI
KOLEJ
MEDAN KENDERAAN IBUBAPA
LANDASAN ERL
POS PENGAWAL
PINTU
TEMPAT MAJLIS KONVO
DEWAN BESAR
TEMPAT PESTA KONVO DAN EKSPO PERTANIAN
BUKIT EKSPO
BULATAN
LAMPU ISYARAT
Peta Laluan Kenderaan Majlis Konvokesyen UPM Ke 38 Tahun 2014
LALUAN 1
LALUAN 2
LALUAN 3
LALUAN 4
TOL SG.BESI
MINES / BALAKONG
LEBUHRAYA KL - SEREMBAN
TOL UPM
LEBUH SILIKON
KAJANG
BANGI
PUSAT EQUIN
KELAB GOLF
SERI SERDANG
LEBUHRAYA KAJANG-PUCHONG
PUCHONG / SKVE/PUTRAJAYA
PUTRA INFOPORT
HOSPITAL SERDANG
JABATAN PERTANIAN
KUARTERS UPM
KOMPLEKS PERUMAHAN ANTARABANGSA
PALAPES
RUMAH PENGETUA
PUSAT KESIHATAN
FK
FRSB
FBMK
FPP
FSKTM
FPSK
FPV
KOLEJ 10
KOLEJ 11
KOLEJ 6
KOLEJ 13
KOLEJ 15
KOLEJ2
KOLEJ SERUMPUN
KOLEJ CANSELOR
KOSASS
KTDI
KMR
KPZ
GSO
TNC JINM
BANQUET HALL
STADIUM UPM
MTDC
BUKIT EKSPO
KOMPLEKS MAHASISWA
KOMPLEKS AKADEMIK
PEJABAT KESELAMATAN
PARKIR PUSAT
PADANG KAWAD
PARKIR KMR
PARKIR VIP
PARKIR GAZEBO
DEWAN BESAR
BANGUNAN PENTADBIRAN
PERPUSTAKAAN
PARKIR PERPUSTAKAAN
ITMA
MARDI
BSN
CIMBBANK
P1
P2
P3
P4
P5
P6
P7
P8
P9
P11
P12
P13
P14
P15
P16
P17
P21

**LAMPIRAN 4**

## PELAN LANTAI DEWAN BESAR
## PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



**LAMPIRAN 5**

## TARIKH-TARIKH PENTING PELAKSANAAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-43 TAHUN 2019

| BIL | TARIKH | PERKARA/ AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1. | 9 hingga 14 November 2019 (Sabtu hingga Khamis) | Pengambilan jubah akademik oleh graduan di Kompleks Akademik Pusat (KAP) mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang<br><br>*Kaunter pinjaman jubah akademik ditutup mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari semasa raptai graduan dijalankan.* |
| 2. | **Sesi Satu (1)**<br>10 November 2019 (Ahad)<br><br>**Sesi Kedua (2)**<br>13 November 2019 (Rabu)<br><br>**Sesi Ketiga (3)**<br>14 November 2019 (Khamis) | 9.00pagi hingga 12.00 tengah hari – raptai graduan di PKKSSAAS (dilaksanakan sebanyak 3 sesi – graduan boleh hadir pada mana-mana sesi raptai mengikut kelapangan)<br><br>** (kaunter ditutup semasa sesi raptai dan akan dibuka pada jam 2.30 hingga 6.00 petang) |
| 3. | 15 November 2019 (Jumaat) | 9.00 pagi - Raptai Pegawai di PKKSSAAS<br>3.00 petang – Majlis Perasmian Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Bukit Ekspo |
| 4. | 14 hingga 20 November 2019 (Khamis hingga Rabu 10.00 pagi hingga 7.00 malam) | Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM bertempat di Bukit Ekspo, UPM |
| 5. | 16 hingga 19 November 2019 (Sabtu hingga Selasa) | Majlis Konvokesyen UPM Ke-43 Tahun 2019 dan Majlis Konvokesyen UPM-IPTS ke-21<br>(4 hari/8 sesi)<br><br>Sesi Pagi:<br>8.00 pagi hingga tangguh sesi pagi;<br><br>Sesi Petang:<br>2.00 petang hingga tangguh sesi petang/tamat majlis |
| 6. | Tarikh Pemulangan Jubah Akademik:<br><br>16 November 2019 (Sabtu)<br><br>17 hingga 19 November 2019 (Ahad hingga Selasa) | Pemulangan jubah akademik oleh graduan di Kompleks Akademik Pusat (KAP). Kaunter akan dibuka seperti berikut:<br><br>- kaunter dibuka pada jam 2.30 hingga 6.30 petang; (rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang);<br><br>- kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 6.30 petang; (rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang); |

| | | |
|---|---|---|
| | 20 hingga 21 November 2019 (Rabu dan Khamis)<br><br>22 November 2019 (Jumaat)<br><br>23 November 2019 (Sabtu)<br><br>25 – 29 November 2019 (Isnin hingga Jumaat)<br>29 November 2019 (Jumaat)<br><br>Mulai 25 November 2019 dan selanjutnya,lokasi pemulangan Jubah Akademik adalah di **Kaunter, Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra** | - kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang);<br><br>- kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (rehat pada jam 12.15 t/hari hingga 2.45 petang);<br><br>- kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang)<br><br>- kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang (rehat pada jam 1.00 hingga 2.00 petang).<br>- kaunter dibuka pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang (rehat pada jam 12.15t/hari hingga 2.45 petang).<br><br>• **Denda** dikenakan mulai **2 Disember 2019** (Isnin). Denda pada hari pertama RM10.00 dan penambahan RM5.00 bagi setiap hari berikutnya;<br><br>• Waktu adalah pada hari bekerja jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Khamis - jam 1.00 hingga 2.00 petang dan Jumaat jam 12.15 t/hari hingga 2.45 petang).<br><br>• Waktu adalah pada hari bekerja jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Khamis - jam 1.00 hingga 2.00 petang dan Jumaat jam 12.15 t/hari hingga 2.45 petang). |

**LAMPIRAN 6**

## SENARAI SEMAK GRADUAN
## MAJLIS KONVOKESYEN UPM KE-43 TAHUN 2019

<table>
<tr><td>1.</td><td>( )</td><td>Terima, baca dan memahami Keterangan</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>( )</td><td>Melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan 2019 dan cetak Slip Pengesahan di laman terakhir borang kajian dan bawa bersama semasa pengambilan jubah akademik untuk disemak dan disahkan di kaunter semakan (Kaunter CEM).</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>( )</td><td>Menyemak bayaran yuran/denda yang masih tertunggak dan menjelaskan selewat -lewatnya dua (2) hari sebelum mengambil jubah akademik.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>( )</td><td>Membuat bayaran yuran graduan mengikut cara bayaran yang diterangkan sebelum mengambil jubah akademik.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>( )</td><td>Melengkapkan borang pinjaman jubah akademik secara ‘online’ melalui portal pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di menu ‘Mykonvokesyen’ (borang jubah akademik) dan mencetak borang yang telah diisi.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>( )</td><td>Kemukakan pengesahan bayaran bila graduan/wakil meminjam pakaian akademik di Dewan Kuliah Pusat seperti dijadualkan.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>( )</td><td>Jubah akademik yang dipinjam adalah mengikut kelulusan PhD/MS/Bacelor/Diploma), warna hood betul dan berkeadaan baik/sempurna.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>( )</td><td>Taklimat dan Raptai Majlis Konvokesyen Ke-43
<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Sesi</th><th>Masa</th></tr>
<tr><td>10 November 2019 (Ahad)</td><td rowspan="3">Terbuka</td><td>9.00 pagi- 12.30 tengah hari</td></tr>
<tr><td>13 November 2019 (Rabu)</td><td>9.00 pagi -12.00 tengah hari</td></tr>
<tr><td>14 November 2019 (Khamis)</td><td>9.00 pagi -12.00 tengah hari</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>9.</td><td>( )</td><td>Graduan: bawa kad sebutan nama<br>Tetamu: kad jemputan (2 tetamu bagi seorang graduan)</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>( )</td><td>Tiba lebih awal sebelum majlis bermula.</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>( )</td><td>Pemulangan Jubah akademik (sila rujuk bilangan 4 senarai semak graduan) Denda akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan jubah akademik mulai tarikh 2 Disember 2019 (Isnin) mengikut kadar yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>( )</td><td>Terima pengesahan jubah akademik yang dipinjam telah dipulangkan; dan</td></tr>
<tr><td>13.</td><td>( )</td><td>Membawa borang pemulangan jubah akademik semasa mengambil sijil akademik dan transkrip.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| **Lampiran 1** | **SUSUNAN GRADUAN MENGIKUT PROGRAM DAN SESI** |
| **Lampiran 2A** | **ETIKA PAKAIAN (WANITA)** |
| **Lampiran 2B** | **ETIKA PAKAIAN (LELAKI)** |
| **Lampiran 2C** | **GRADUAN BERJUBAH AKADEMIK** |
| **Lampiran 3** | **PETA LALUAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN IBU BAPA** |
| **Lampiran 4** | **PELAN LANTAI DEWAN** |
| **Lampiran 5** | **TARIKH-TARIKH PENTING** |
| **Lampiran 6** | **SENARAI SEMAK GRADUAN** |